KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	25.03.22	MUKA SURAT	:	37
JABATAN	:	SEDA			

Inisiatif tenaga solar beri penjimatan kepada Proton



PENGARAH Pelaburan dan Promosi Proton, Mohd. Khalid Yusof (kanan) dan Ketua Pegawai Komersial Pekat, Wee Chek Aik di ruang parkir solar di kilang Proton di Tanjung Malim semalam.

Oleh AFIFI HAFIZ MOHD NOR

TANJUNG MALIM – Proton melancarkan inisiatif tenaga solar yang mampu mengurangkan pelepasan karbon dioksida sebanyak 11,536 tan setahun di kilangnya.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Roslan Abdullah berkata, kemudahan panel solar dwi muka di tempat letak kereta itu adalah yang terbesar di Malaysia.

Menurut beliau, gabungan tenaga yang dijana daripada kemudahan panel solar dwi-muka di tempat letak kereta berserta panel solar yang dipasang di atas bumbung kilangnya ialah 12MWp (puncak Megawatt) cukup untuk memenuhi sehingga 25 peratus daripada penggunaan kuasa kilang itu.

"Kemudahan panel solar Proton adalah sebahagian daripada inisiatif hijau syarikat yang menyahut cabaran untuk membantu Malaysia memenuhi sasaran kerajaan menjadi negara neutral karbon menjelang tahun 2050.

"Ia juga berpotensi untuk mengurangkan bil elektrik Proton sebanyak RM4.39 juta setahun dengan penjimatan sebanyak RM1.46 juta melalui 3MWp yang dijana oleh panel yang dipasang di atas bumbung kilang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan bersempena lawatan media ke kilang Proton di sini semalam.

Roslan menerangkan, panel solar di tempat letak kereta yang meliputi kawasan seluas 9.5 hektar itu mempunyai dua fungsi seperti tempat letak kereta berpusat yang menyediakan ruang parkir untuk 2,880 kereta dan digunakan sebagai tempat transit untuk kereta yang dikeluarkan di Tanjung Malim sebelum diedarkan kepada pengedar dan cawangan di seluruh negara.

"Ruang parkir itu kini diliputi 20,544 panel solar dwi-muka kerana boleh menjana tenaga daripada cahaya matahari secara langsung pada bahagian atas serta pantulan cahaya matahari dari permukaan jalan dan kereta yang diletakkan di bawah panel.

"Ia juga menyediakan tempat berteduh bagi meletak dan melindungi kereta yang baru dihasilkan daripada unsur-unsur kerosakan," ujarnya.

Tambah Roslan, projek solar itu dibina dan ditauliahkan oleh Pekat Group Berhad (Pekat) dan rakan bersekutunya, MFP Solar.

"Menggunakan solar sebagai pelan penjimatan tenaga holistik, Proton telah memulakan perjalanan mengurangkan karbon sejak tahun 2015," terangnya.